MB: Kita tidak teragak2 ambil tindakan tegas

DATUK SERI HJ. WAN MOHAMED

Sesiapa yang cuba timbul kekacauan

MENTERI Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh memberi amaran hari ini beliau tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa yang cuba menimbulkan kekacauan semasa mesyuarat agung perwakilan sama ada peringkat bahagian atau cawangan dilangsungkan nanti.

Tindakan itu termasuk mencadangkan agar Majlis Tertinggi UMNO mengenakan hukuman pemecatan ke atas mereka yang terlibat.

IPOH, Isnin

Bercakap dalam satu pertemuan di pejabatnya, Datuk Seri Haji Wan Mohamed yang juga Ketua Perhubungan UMNO Perak mengingatkan supaya tidak berlaku sebarang permainan politik kotor di mana-mana peringkat di kalangan ahli parti ketika menghadapi pemilihan di mesyuarat tersebut.

"Anggaplah pertandingan merebut sesuatu jawatan itu sebagai amalan biasa yang perlu dilakukan dalam suasana sihat yang mengikut sistem demokrasi sepertimana yang kita laksanakan di negara ini," tambahnya.

Menteri Besar yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO mahu setiap ahli UMNO mematuhi tatasusila parti tanpa menjejaskan perpaduan erat yang sedia terjalin.

"Kita sentiasa menggalakkan pertandingan merebut sesuatu jawatan itu, asalkan ia tidak terkeluar dari perlembagaan parti," terangnya mengulas mengenai suasana mesyuarat agung perwakilan 21 buah Bahagian UMNO di Perak.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed menggariskan beberapa perkara yang harus dipatuhi oleh ahli-ahli UMNO ketika mengadakan mesyuarat sama ada di peringkat bahagian atau cawangan.

Mereka ditegah melangsungkan mesyuarat di kediaman seseorang yang terlibat dalam pemilihan sesuatu jawatan.

Sebaliknya mereka dianjurkan agar melangsungkannya di tempat yang bebas yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed menambah salah seorang ahli jawatankuasa UMNO Perhubungan Negeri akan diarah menghadiri mesyuarat peringkat bahagian sebagai seorang "pakar rujok" untuk mengelakkan sebarang kekecohan.

Terlibat

Begitu jugalah, seorang Ahli Jawatankuasa Bahagian akan diminta menghadiri mesyuarat setiap cawangan di bawah naungan mereka secara bergilir.

Beliau berkata mesyuarat peringkat bahagian hanya dibolehkan setelah persidangan cawangan sesebuah bahagian itu selesai diadakan.

Kira-kira 100,000 orang ahli UMNO di 900 buah cawangan dan 21 bahagian di negeri ini terlibat dengan mesyuarat agung perwakilan itu.

Mengenai soal calon pilihanraya pula, Menteri Besar berkata ia masih terlalu awal untuk diputuskan.

"Kita belum tahu tarikh sebenar pilihanraya, bila akan dilangsungkan," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia